

# Bayar lebih pengangkutan cekap

Oleh Wan Hamidi Hamid dan Zamzam Omar

RJ 18 FEB 1992

KUALA LUMPUR, Isnin — Kuala Lumpur tidak mungkin mempunyai sistem pengangkutan yang cekap jika penduduknya tidak sanggup membayar lebih daripada kadar sekarang, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Sehubungan itu, katanya, penduduk bandar mesti bersedia membayar lebih bagi mendapatkan perkhidmatan pengangkutan yang cekap dan berkesan.

"Kita tidak boleh mendapat sistem yang cekap dan berkesan tetapi murah. Kita hanya boleh mendapat sistem cekap

dar, berkesan pada harga yang berpatutan.

"Kalau hendak sistem cekap kita memang perlu bayar. Kalau hendak percuma, atau murah sahaja, itu tentu tak dapat," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Kuala Lumpur di sini hari ini.

Menurutnya, wargakota yang masih kritikal dalam soal bayaran perlu sedar bahawa sistem pengangkutan yang lebih baik tidak dapat diwujudkan jika mereka enggan membayar.

Bagaimanapun, Per-

dana Menteri berkata, kerajaan masih sanggup memberi subsidi kos pengangkutan bandaraya walaupun pada kadar yang tidak terlalu besar.

"Memang kerajaan akan menanggung kos pengangkutan di Kuala Lumpur tetapi kita tidak boleh memberi subsidi terlalu banyak kerana kerajaan perlukan wang untuk dibelanjakan di kawasan luar bandar," katanya.

Berikutan itu, Dr Mahathir menegaskan, penduduk bandar yang mencari nafkah di bandaraya perlu mengeluarkan be-

lanja pengangkutan mereka sendiri.

Ditanya sama ada penduduk bandar perlu membayar lebih berikutan kemungkinan kerajaan menaikkan bayaran perkhidmatan atau tambang, Perdana Menteri berkata, ia tidak membabitkan kenaikan tambang.

"Bukan kita mahu menaikkan tambang. Maksudnya, kalau hendak mengadakan sistem rel atau monorel kita kena bayar tambang yang berpatutan. Kalau hendak bayar \$1 atau 50 sen pun dikatakan mahal, kita tak boleh adakan sistem yang baik," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Kuala Lumpur memutuskan untuk menyatukan semua syarikat bas yang berkhidmat dalam bandaraya disatukan menjadi satu syarikat sahaja.

Menurutnya, semua syarikat bas perlu disatukan.

Beliau menjelaskan, syarikat bas yang disatukan itu akan menjalankan dua perkhidmatan, iaitu bas keliling bandaraya dan perkhidmatan bas keliling pinggir bandaraya,

**LIHAT MUKA 8**

# Projek Metrolink dapat atasi masalah kesesakan

H 18 FEB 1992

DARI MUKA 1

tdrmasuk Selangor, tanpa berpusat di mana-mana perhentian dalam kawasan bandaraya.

Mengikut cadangan itu, penumpang bas dari kawasan luar Kuala Lumpur hanya akan dibenarkan turun di pinggir bandaraya manakala bas keliling bandaraya pula dibenarkan mengambil penumpang yang mahu masuk ke pusat bandaraya saja.

Perdana Menteri berkata, jawatankuasa berkenaan juga sudah bersetuju mengambil perunding untuk menjalankan kajian terperinci berhubung perkara itu dan kajian mereka dijangka dapat disiapkan dalam masa tiga bulan mulai sekarang.

Beliau berkata, semua perancangan sistem pengangkutan lain di bandaraya akan juga dilaksanakan mengikut jadual.

Ini termasuk pelaksanaan projek Metrolink yang diharap dapat mengatasi masalah perkhidmatan pengangkutan yang semakin ketara sejak kebelakangan ini.

Menurut jadual, pelaksanaan projek berkenaan bermula akhir tahun ini, manakala fasa pertama pelaksanaannya dijangka siap pada 1994.